



# Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan



Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum





# Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan

Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
2016

Terbitan Mac 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

ISBN: 978-967-420-096-1

Terbitan:  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8, Blok E9,  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

# KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
RUKUN NEGARA	vii
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	viii
KURIKULUM KEBANGSAAN	ix
KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA	x
KATA ALU-ALUAN PENGARAH BPK	xi
1.0 PENGENALAN	1
2.0 MATLAMAT	2
3.0 OBJEKTIF	2
4.0 DEFINISI	3
5.0 KANDUNGAN DALAM PENDIDIKAN KEWANGAN	4
6.0 PENYEPADUAN PENDIDIKAN KEWANGAN DALAM MATA PELAJARAN	13
6.1 Pendekatan Langsung	14
6.2 Pendekatan Sisipan	15
7.0 PENUTUP	16
CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG	17
Matematik Sekolah Rendah	19
Matematik Sekolah Menengah	28
CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN	31
Bahasa Melayu Sekolah Rendah	33
Bahasa Inggeris Sekolah Rendah	40
PEMETAAN PENDIDIKAN KEWANGAN	45
Pemetaan Pendidikan Kewangan Sekolah Rendah	47
Pemetaan Pendidikan Kewangan Sekolah Menengah	49
GLOSARI	51
RUJUKAN	59
AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN	61



## SENARAI JADUAL

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Kandungan Pendidikan Kewangan	4
2	Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Matematik Sekolah Rendah	14
3	Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Matematik Sekolah Menengah	15
4	Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Bahasa Melayu Sekolah Rendah	16







## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh  
masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi

Kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains  
dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh  
tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan  
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## **KURIKULUM KEBANGSAAN**

### “3. Kurikulum Kebangsaan

3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996.

[PU(A)531/97]



## **KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sehati Sejiwa...**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana Buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan dapat diterbitkan bagi membolehkan guru jadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran yang efektif serta sesuai dengan mata pelajaran masing-masing.

Pendidikan kewangan merupakan elemen penting dalam Abad Ke-21. Masyarakat celik kewangan berperanan dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi bagi membina sesebuah negara yang sejahtera. Malah, kebolehan masyarakat dalam mengurus wang dengan cekap dan kompeten adalah penting sebagai persediaan untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah bekerjasama untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah.

Bagi menyediakan murid dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai celik kewangan, Panduan Pelaksanaan Pendidikan Kewangan dibangunkan merangkumi tajuk-tajuk seperti peranan wang, sumber pendapatan dan kerjaya, pengurusan dan perancangan kewangan, simpanan dan pelaburan, pengurusan kredit dan hutang serta perlindungan insurans.

Akhir kata, Bahagian Pembangunan Kurikulum merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku ini.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## 1.0 PENGENALAN

Pendidikan kewangan merupakan elemen penting dalam Abad Ke-21 sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak *International Networking and Financial Education* (INFE) dan *Organisation of Economic Co-operation and Development* (OECD), yang memperakui bahawa masyarakat celik kewangan berperanan dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi bagi membina sesebuah negara yang sejahtera.

Dalam Laporan Transformasi Ekonomi Negara bertarikh 29 September 2009, Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa kebolehan rakyat mengurus wang dengan cekap dan kompeten adalah penting sebagai persediaan untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah menjalin kerjasama untuk mengintegrasikan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah.

Selaras dengan keperluan tersebut, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah membangunkan Panduan Pendidikan Kewangan sebagai panduan kepada guru dalam menerapkan elemen celik kewangan kepada murid bagi memperoleh dan mengukuhkan pengetahuan, kemahiran dan nilai agar dapat mengurus kewangan dengan lebih cekap dalam menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Justeru, buku panduan ini membolehkan guru menyampaikan elemen celik kewangan kepada murid tentang peranan wang, sumber pendapatan dan kerjaya, pengurusan dan perancangan kewangan, simpanan dan pelaburan, pengurusan kredit dan hutang serta perlindungan insurans.

Pada peringkat sekolah rendah, elemen pendidikan kewangan telah pun dirangkumkan di dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Lanjutan dari itu, elemen pendidikan kewangan telah disarankan diterapkan ke dalam mata pelajaran lain yang difikirkan bersesuaian. Sehubungan dengan itu, penerapan pendidikan kewangan bagi mata pelajaran lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat hingga sekolah menengah melalui pendekatan langsung dan sisipan mulai tahun 2017.

## **2.0 MATLAMAT**

Pendidikan kewangan bermatlamat untuk melahirkan murid celik kewangan yang berupaya menguruskan kewangan secara cekap dan bijaksana.

## **3.0 OBJEKTIF**

Objektif Pendidikan Kewangan membolehkan murid:

1. menerangkan wang sebagai alat pertukaran dalam transaksi dan dapat menghubungkan kait antara pendidikan, pendapatan, kerjaya dan potensi pendapatan peribadi;
2. membuat keputusan kewangan peribadi secara sistematik berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai;
3. meningkatkan kemahiran merancang dan mengurus wang secara cekap dengan menetapkan matlamat kewangan dan merancang perbelanjaan;
4. meningkatkan kemahiran untuk merancang dan mencapai matlamat jangka panjang yang berkaitan dengan simpanan dan pelaburan bagi membina jaminan kewangan dan kekayaan;
5. meningkatkan kemahiran untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi berkaitan dengan hutang yang ditanggung dan dapat mengekalkan kepercayaan kredit;
6. meningkatkan kemahiran untuk menggunakan strategi pengurusan risiko bagi meminimumkan kegagalan kewangan dan memelihara kekayaan; dan
7. menguruskan kewangan mereka secara bertanggungjawab.



## 4.0 DEFINISI

### **Pendidikan Kewangan**

Pendidikan kewangan merupakan satu proses yang membolehkan pengguna kewangan meningkatkan pemahaman mereka mengenai produk, konsep dan risiko kewangan dan melalui maklumat, panduan dan nasihat yang betul, dapat membangunkan kemahiran dan keyakinan untuk menjadi lebih arif mengenai risiko dan peluang serta dapat membuat pilihan yang bijak, mengetahui saluran bagi mendapatkan bantuan, dan mengambil tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.

Sumber: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi  
*(Organisation for Economic Co-operation and Development)*

### **Celik Kewangan**

Celik kewangan ialah pengetahuan dan pemahaman konsep kewangan dan risiko, dan kemahiran, motivasi dan keyakinan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman tersebut untuk membuat keputusan yang efektif meliputi semua konteks kewangan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kedudukan kewangan individu dan masyarakat, dan membolehkan pengguna turut serta dalam kegiatan ekonomi negara.

Sumber: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi  
*(Organisation for Economic Co-operation and Development)*

Sebagai rumusan, pendidikan kewangan akan memberi pendedahan kepada murid tentang konsep, risiko kewangan, kemahiran, motivasi dan keyakinan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman tentang pengurusan kewangan. Proses Pendidikan Kewangan dihuraikan melalui elemen-elemen celik kewangan. Keupayaan murid menguasai celik kewangan akan membolehkan mereka membuat keputusan yang bijak dan berkesan dalam konteks kewangan yang pelbagai serta dapat memperbaiki kesejahteraan individu dan masyarakat, di samping membolehkan penglibatan dalam dunia kehidupan berekonomi.

## 5.0 KANDUNGAN DALAM PENDIDIKAN KEWANGAN

Pendidikan Kewangan dihuraikan kepada enam elemen celik kewangan. Setiap celik kewangan mengandungi beberapa standard kandungan. Jadual 1 menunjukkan enam elemen celik kewangan yang perlu dibangunkan dalam kalangan murid pada peringkat sekolah. Elemen tersebut adalah sebagaimana berikut:

Celik Kewangan 1 (CK1): Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya

Celik Kewangan 2 (CK2): Tanggungjawab dan Membuat Keputusan Kewangan

Celik Kewangan 3 (CK3): Pengurusan dan Perancangan Kewangan

Celik Kewangan 4 (CK4): Simpanan dan Pelaburan

Celik Kewangan 5 (CK5): Pengurusan Kredit dan Hutang

Celik Kewangan 6 (CK6): Pengurusan Risiko, Perlindungan dan Insurans

**Jadual 1: Kandungan Pendidikan Kewangan**

### CK1: Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
1.1 Menerangkan peranan wang	1.1.1 membezakan jenis wang (duit syiling dan wang kertas) 1.1.2 mengenal pasti nilai setiap jenis mata wang Malaysia 1.1.3 mengira mata wang Malaysia termasuk duit syiling dan wang kertas 1.1.4 menerangkan perbezaan antara 'barangan' dengan 'perkhidmatan' 1.1.5 mengenal pasti mata wang yang berbeza bagi setiap negara 1.1.6 membandingkan nilai mata wang Malaysia dengan mata wang negara lain 1.1.7 menjelaskan bagaimana wang digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan 1.1.8 menganalisis bagaimana wang boleh dipindahkan daripada seseorang kepada seseorang yang lain
1.2 Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif	1.2.1 menyenaraikan sumber pendapatan murid sekolah 1.2.2 menyatakan pelbagai sumber pendapatan serta sumber alternatif (daripada pekerjaan atau hadiah) ibu bapa, ahli keluarga, jiran dan rakan-rakan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	<p>1.2.3 menjelaskan perbezaan antara pendapatan yang diperoleh dan pendapatan tanpa usaha (contohnya hadiah, dividen).</p> <p>1.2.4 menganalisis dan memberi contoh tentang pelbagai pendapatan (contohnya elaun, gaji, komisen, faedah, pendapatan kasar dan bersih)</p>
<p>1.3 Mengenal pasti bagaimana pilihan kerjaya, pendidikan, kemahiran dan keadaan ekonomi mempengaruhi pendapatan</p>	<p>1.3.1 menghubungkan jenis pekerjaan dengan pendapatan yang diperoleh</p> <p>1.3.2 mengenal pasti pelbagai pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat dan pendapatan yang berkaitan</p> <p>1.3.3 membezakan antara kerjaya dan pekerjaan</p> <p>1.3.4 mengenal pasti matlamat kerjaya dan mewujudkan pelan dan jadual waktu untuk mencapainya, termasuk keperluan pendidikan/latihan, kos dan kemungkinan hutang yang ditanggung.</p>
<p>1.4 Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pendapatan boleh guna</p>	<p>1.4.1 menjelaskan maksud dan tujuan cukai</p> <p>1.4.2 mengenal pasti jenis-jenis cukai lain (contohnya cukai kerajaan, cukai jualan, cukai pintu dan lain-lain)</p> <p>1.4.3 memberi contoh bagaimana kerajaan menggunakan hasil kutipan cukai</p> <p>1.4.4 mengira pendapatan kena cukai sebuah keluarga dan mengaitkan cukai yang dibayar oleh seorang pekerja dengan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan</p>
<p>1.5 Menerangkan cara menggunakan instrumen kewangan yang berlainan</p>	<p>1.5.1 mengenal pasti pelbagai cara membuat pembayaran dan instrumen yang digunakan (tunai, kredit, cek, kad kredit, kad debit dan kad prabayar)</p> <p>1.5.2 menerangkan bahawa bayaran bukan tunai masih memerlukan dana yang mencukupi</p> <p>1.5.3 membandingkan kos menggunakan kaedah pembayaran yang berbeza</p> <p>1.5.4 menganalisis bagaimana kos sara hidup boleh mempengaruhi pendapatan sebenar, keputusan perbelanjaan dan gaya hidup</p> <p>1.5.5 menerangkan pentingnya menyimpan rekod kewangan yang tepat</p>
<p>1.6 Menjelaskan bagaimana pendapatan memberi kesan kepada gaya hidup, pilihan dan keputusan berbelanja</p>	<p>1.6.1 menjelaskan bagaimana pendapatan mempengaruhi keputusan perbelanjaan</p>

## CK2: Tanggung-jawab dan Membuat Keputusan Kewangan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
<p>2.1 Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab</p>	<p>2.1.1 membincangkan perihal wang sebagai sumber terhad dan menghubungkaitkan keputusan menyimpan dengan kos melepasi</p> <p>2.1.2 menyenaraikan contoh keputusan kewangan dan akibat daripada keputusan tersebut</p> <p>2.1.3 mengenal pasti cara untuk menjadi seorang murid yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan kewangan</p> <p>2.1.4 menerangkan pentingnya sikap bertanggungjawab terhadap keputusan kewangan peribadi</p> <p>2.1.5 menerangkan bagaimana sikap dan nilai individu mempengaruhi keputusan kewangan masing-masing</p> <p>2.1.6 menjelaskan bagaimana tingkah laku yang tidak beretika memberi kesan negatif terhadap masyarakat secara keseluruhan</p>
<p>2.2 Menilai maklumat kewangan yang didapati daripada pelbagai sumber</p>	<p>2.2.1 memberi contoh situasi di mana maklumat kewangan dapat mempengaruhi keputusan yang dibuat</p> <p>2.2.2 membuat analisis dan menilai maklumat kewangan dan iklan.</p> <p>2.2.3 mengenal pasti sumber maklumat produk kewangan (contoh: dalam talian, media dan bahan cetak) dan menyenaraikan kelebihan dan kelemahan setiap sumber maklumat tersebut</p> <p>2.2.4 mengenal pasti pelbagai jenis penipuan kewangan terkini, termasuk penipuan dalam talian</p> <p>2.2.5 mengenal pasti maklumat kewangan yang diperlukan untuk membuat keputusan berdasarkan senario tertentu</p>
<p>2.3 Menjelaskan secara ringkas mengenai undang-undang utama perlindungan pengguna</p>	<p>2.3.1 menerangkan hak dan tanggungjawab pengguna</p> <p>2.3.2 membandingkan polisi pemulangan barangan di kedai berdekatan</p> <p>2.3.3 menjelaskan pelbagai organisasi yang memberi perlindungan pengguna serta peranan yang dimainkan.</p> <p>2.3.4 menyenaraikan contoh-contoh penipuan kewangan dan penyelewengan yang dilindungi di bawah undang-undang perlindungan pengguna.</p> <p>2.3.5 mengenal pasti agensi dan badan kerajaan yang boleh membantu pengguna dalam menyelesaikan masalah/pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
2.4 Huraikan bahawa kontrak adalah ikatan perjanjian	2.4.1 menjelaskan mengapa orang ramai perlu membuat ikatan kontrak 2.4.2 membezakan antara kontrak bertulis dengan kontrak lisan 2.4.3 menjelaskan kegunaan kontrak. 2.4.4 mengenal pasti faktor yang perlu di pertimbangkan apabila membuat ikatan kontrak, seperti kadar faedah, skor kredit, reputasi, dan/atau rujukan daripada pihak yang terlibat 2.4.5 memeriksa contoh kontrak untuk komponen yang penting dan bermakna

### CK3: Pengurusan dan Perancangan Kewangan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
3.1 Membuat keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai alternatif dan kesan yang akan dihadapi	3.1.1 menerangkan duit yang disimpan dapat memenuhi 'keperluan' dan 'kehendak' masa hadapan 3.1.2 menerangkan pelbagai cara penjimatan (air, elektrik dan telefon) 3.1.3 membuat keputusan kewangan secara sistematik termasuk simpanan, perbelanjaan dan derma 3.1.4 menghubungkan 'wang ialah sumber yang terhad' dengan 'kepentingan menguruskan wang secara berhemat' untuk memenuhi 'kehendak' dan 'kepentingan' masa hadapan 3.1.5 menghasilkan pelan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma, dan pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing
3.2 Kebolehan untuk menetapkan matlamat berdasarkan kehendak dan keperluan	3.2.1 menerangkan 'matlamat' 3.2.2 mengenal pasti matlamat peribadi masing-masing 3.2.3 mengenal pasti matlamat sesuatu kumpulan 3.2.4 menerangkan kehendak dan keperluan 3.2.5 mengatur 'keperluan' dan 'kehendak peribadi' mengikut keutamaan 3.2.6 membezakan antara matlamat jangka pendek dan jangka panjang 3.2.7 mengenal pasti langkah-langkah dalam proses penetapan matlamat 3.2.8 menghasilkan matlamat yang mempunyai jangka masa dan boleh dicapai 3.2.9 menerangkan perbezaan antara 'keperluan' dan 'kehendak'

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	<p>3.2.10 menjelaskan kaitan antara penetapan matlamat dengan pencapaian</p> <p>3.2.11 mewujudkan rancangan untuk mencapai keperluan dan kehendak yang penting.</p> <p>3.2.12 menganalisis keputusan yang dibuat oleh pengguna dan membezakan antara fakta dan pendapat</p>
<p>3.3 Menyediakan pelan perbelanjaan dan simpanan</p>	<p>3.3.1 membincangkan bagaimana murid menggunakan wang saku mereka</p> <p>3.3.2 mengenal pasti kesan terhadap pelbagai cara penggunaan wang saku</p> <p>3.3.3 menyediakan bajet harian</p> <p>3.3.4 membuat pertimbangan serta keputusan untuk berbelanja</p> <p>3.3.5 membandingkan manfaat dan akibat daripada setiap keputusan kewangan</p> <p>3.3.6 menyediakan bajet mingguan dan bulanan</p> <p>3.3.7 menerangkan konsep pelan perbelanjaan</p> <p>3.3.8 menerangkan faktor utama yang perlu dipertimbangkan apabila menentukan keputusan berkaitan perbelanjaan</p> <p>3.3.9 memahami bahawa setiap keputusan berbelanja mempunyai kos melepas</p> <p>3.3.10 menerangkan betapa pentingnya menyimpan rekod perbelanjaan dan simpanan</p> <p>3.3.11 membuat bajet peribadi yang seimbang merangkumi pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan derma</p> <p>3.3.12 membuat pelan bagi mengumpul wang/dana untuk kegunaan semasa kecemasan atau perubahan dalam kehidupan peribadi</p> <p>3.3.13 menilai pelan perbelanjaan yang mendorong jumlah pendapatan sentiasa melebihi perbelanjaan</p>
<p>3.4 Menyediakan satu sistem untuk menyimpan rekod kewangan</p>	<p>3.4.1 menunjukkan keupayaan untuk merekod perbelanjaan dan simpanan harian</p> <p>3.4.2 menunjukkan keupayaan untuk menyimpan rekod perbelanjaan dan simpanan harian</p> <p>3.4.3 menerangkan pentingnya menyimpan rekod kewangan yang tepat</p>
<p>3.5 Menggunakan kemahiran untuk membuat keputusan berbelanja yang berhemat</p>	<p>3.5.1 menentukan setiap barangan sebagai 'keperluan' atau 'kehendak' sebelum berbelanja</p> <p>3.5.2 membandingkan harga setiap barang yang sama di dua buah kedai yang berlainan</p> <p>3.5.3 membandingkan harga bagi barang yang sama tetapi buatan yang berlainan di kedai yang sama/berlainan/berbeza</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	<p>3.5.4 membandingkan kebaikan antara menyimpan dengan berbelanja</p> <p>3.5.5 menerangkan kesan berbelanja ke atas simpanan</p> <p>3.5.6 mengenal pasti tabiat sendiri terhadap simpanan dan perbelanjaan</p>
<p>3.6 Menggunakan kemahiran untuk membuat keputusan berbelanja yang berhemat</p>	<p>3.6.1 memberi contoh aset keluarga</p> <p>3.6.2 menerangkan perbezaan antara aset dengan liabiliti serta memberi contoh bagi kedua-duanya</p> <p>3.6.3 menerangkan bagaimana desakan daripada rakan sebaya boleh mempengaruhi keputusan berbelanja.</p> <p>3.6.4 menilai iklan di media cetak, dalam talian dan di televisyen serta menilai sama ada iklan-iklan berkenaan merupakan fakta atau pendapat</p> <p>3.6.5 menggunakan teknik membuat keputusan secara sistematik dalam setiap keputusan berbelanja</p>

#### CK4: Simpanan dan Pelaburan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
<p>4.1 Membincangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu ke arah kesejahteraan kewangan</p>	<p>4.1.1 memberi sebab-sebab setiap orang perlu menyimpan wang</p> <p>4.1.2 memberi contoh bahawa wang disimpan untuk mendapatkan 'keperluan' dan 'kehendak' masa hadapan</p> <p>4.1.3 menerangkan kaitan di antara kepentingan menyimpan dengan pencapaian matlamat kewangan</p> <p>4.1.4 menerangkan bagaimana perbelanjaan perlu dikurangkan bagi menambahkan simpanan</p> <p>4.1.5 mengenal pasti dan membandingkan strategi simpanan, termasuk 'membayar diri anda dahulu', menggunakan potongan gaji dll.</p>
<p>4.2 Menerangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu meningkatkan kekayaan</p>	<p>4.2.1 menerangkan faedah atau pulangan yang diterima jika menyimpan di institusi kewangan</p> <p>4.2.2 mengenal pasti pelbagai cara untuk menyimpan</p> <p>4.2.3 membezakan maksud 'simpanan' dan 'pelaburan'</p> <p>4.2.4 memberi contoh satu jenis 'simpanan' dan 'pelaburan' dan menerangkan bagaimana nilai simpanan dan pelaburan tersebut bertambah dari semasa ke semasa</p> <p>4.2.5 menerangkan bagaimana nilai sesuatu pelaburan boleh 'bertambah' atau 'berkurangan'</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	4.2.6 mengira faedah mudah dan faedah kompaun dan menerangkan kelebihan faedah kompaun 4.2.7 menyediakan pelan simpanan berdasarkan matlamat yang dibuat 4.2.8 menerangkan secara ringkas bagaimana pelaburan dapat meningkatkan kekayaan dan membantu memenuhi matlamat jangka pendek dan jangka panjang.
4.3 Membuat penilaian dan perbandingan pelbagai alternatif pelaburan	4.3.1 menerangkan perbezaan di antara menyimpan wang di dalam tabung dengan di institusi kewangan 4.3.2 menyenaraikan kebaikan menyimpan dan melabur wang di institusi kewangan 4.3.3 mengenal pasti pelbagai pilihan menyimpan dan melabur 4.3.4 membuat perbandingan antara kelebihan dan kelemahan pelbagai alternatif pelaburan 4.3.5 mengenal pasti tahap risiko yang berkaitan dengan sesuatu pelaburan
4.4 Memahami kaitan antara risiko dan pulangan pelaburan	4.4.1 menjelaskan sesuatu yang dipinjam mungkin dikembalikan atau tidak 4.4.2 menerangkan bagaimana nilai pelaburan boleh bertambah 4.4.3 menerangkan bagaimana nilai sesuatu pelaburan boleh berkurangan 4.4.4 menerangkan perbezaan di antara pelaburan dengan simpanan dari segi potensi risiko dan pulangan
4.5 Menerangkan bagaimana membuat keputusan untuk membeli dan menjual pelaburan	4.5.1 membuat perbandingan pulangan simpanan deposit di beberapa buah institusi kewangan 4.5.2 mengenal pasti pelbagai sumber di mana pelabur boleh mendapatkan maklumat untuk membuat pilihan pelaburan
4.6 Menyelidik bagaimana agensi yang mengawal selia pasaran kewangan melindungi pelabur	4.6.1 menerangkan bagaimana insurans deposit melindungi penyimpanan dan pelabur



**CK5: Pengurusan Kredit dan Hutang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
<p>5.1 Memahami konsep kredit dan mengenal pasti pelbagai jenis kredit termasuk faedah dan kos masing-masing</p>	<p>5.1.1 mengenal pasti kredit merupakan alat kewangan yang asas</p> <p>5.1.2 menerangkan mengapa penggunaan kad kredit merupakan satu cara berhutang</p> <p>5.1.3 menerangkan perbezaan harga barangan sekiranya membayar secara kredit dan secara tunai</p> <p>5.1.4 menghuraikan kebaikan dan kelemahan penggunaan kredit</p> <p>5.1.5 menerangkan mengapa institusi kewangan memberi pinjaman</p> <p>5.1.6 mengenal pasti pembiayaan melalui kredit yang biasa dibuat oleh pengguna</p> <p>5.1.7 mengenal pasti situasi yang rasional untuk menggunakan kredit</p> <p>5.1.8 menerangkan peranan faedah ke atas kredit</p> <p>5.1.9 menjelaskan cara mengira keseluruhan kos pinjaman</p> <p>5.1.10 menjelaskan bagaimana kadar faedah dan tempoh pinjaman mempengaruhi kos bayaran keseluruhan sesuatu kredit.</p> <p>5.1.11 menjelaskan kelebihan membayar secara tunai dan secara kredit.</p> <p>5.1.12 memahami jenis hutang yang ditanggung oleh pengguna</p>
<p>5.2 Mengenal pasti pengurusan kredit secara bertanggungjawab</p>	<p>5.2.1 membincangkan maksud kredit</p> <p>5.2.2 menjelaskan kegunaan kredit</p> <p>5.2.3 mengenal pasti masa/situasi yang sesuai untuk menggunakan kad kredit</p> <p>5.2.4 menjelaskan cara penggunaan kad kredit yang betul dan salah.</p> <p>5.2.5 menjelaskan bagaimana penggunaan kad kredit boleh memberi kesan yang baik atau buruk pada bajet</p>
<p>5.3 Menjelaskan hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dan bagaimana untuk mengekalkan kepercayaan kredit</p>	<p>5.3.1 menerangkan bahawa setiap barang yang dipinjam harus dipulangkan</p> <p>5.3.2 menerangkan akibat yang akan ditanggung jika tidak memulangkan barang yang dipinjam</p> <p>5.3.3 mengenal pasti bahawa seseorang tidak patut meminjam wang sekiranya keadaan tidak memaksa</p> <p>5.3.4 menerangkan langkah yang harus diambil untuk mendapatkan kembali kepercayaan rakan sekiranya kita merosakkan barang peribadinya yang dipinjam</p> <p>5.3.5 menjelaskan pentingnya untuk membayar hutang</p> <p>5.3.6 menerangkan akibat tidak membayar hutang</p> <p>5.3.7 menjelaskan kebaikan membayar hutang tepat pada masanya.</p> <p>5.3.8 menjelaskan hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dan pemberi pinjaman</p>

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	5.3.9 menerangkan kepentingan laporan kredit kepada peminjam dan pemberi pinjaman. 5.3.10 mengenal pasti langkah-langkah untuk menyemak skor kredit
5.4 Menerangkan cara mengelak daripada perangkap hutang dan menangani masalah kredit	5.4.1 mengenal pasti tanda-tanda dan akibat hutang yang berlebihan 5.4.2 mengenal pasti kesan hutang kepada pelan kewangan peribadi. 5.4.3 mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menilai kedudukan kredit dan memahami tindakan susulan yang perlu diambil 5.4.4 menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh pengguna bagi membebaskan diri daripada perangkap hutang

#### CK6: Pengurusan Risiko, Perlindungan dan Insurans

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
6.1 Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti	6.1.1 menerangkan apakah maksud 'identiti' 6.1.2 menerangkan bahawa setiap orang mempunyai identiti 6.1.3 menyenaraikan jenis maklumat peribadi yang tidak boleh didedahkan kepada orang lain dan akibat yang akan berlaku jika anda mendedahkan maklumat peribadi 6.1.4 menerangkan apa yang dimaksudkan dengan 'kecurian identiti kewangan peribadi' 6.1.5 mengenal pasti cara mengawal maklumat peribadi 6.1.6 mengenal pasti kesan teknologi atas keselamatan peribadi
6.2 Mengetahui jenis risiko yang biasa dihadapi dan cara asas pengurusan risiko	6.2.1 memberi contoh risiko yang biasa dihadapi di dalam dan di luar rumah 6.2.2 membuat analisis bagaimana mengelakkan atau mengurangkan pelbagai risiko - berdasarkan kajian kes yang melibatkan murid seperti aktiviti berbasikal dan lain-lain 6.2.3 menyenaraikan contoh strategi pengurusan risiko
6.3 Menerangkan tujuan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful	6.3.1 menyenaraikan barangan isi rumah yang berharga 6.3.2 menerangkan bagaimana barangan berharga mungkin rosak atau hilang dan cara untuk melindungi barangan tersebut 6.3.3 mengenal pasti implikasi kerugian kewangan dan bukan kewangan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	6.3.4 menerangkan kepentingan insurans dapat mengurangi bebanan akibat kemalangan, sakit, kematian dan lain-lain 6.3.5 menyenaraikan ancaman utama kepada pendapatan isi rumah dan aset keluarga 6.3.6 menilai keperluan individu dan keluarga terhadap perlindungan insurans/takaful menggunakan analisis kos melepas
6.4 Menjelaskan jenis-jenis perlindungan bukan insurans	6.4.1 menjelaskan bagaimana nota bertulis, e-mel, atau panggilan telefon antara sekolah dan rumah boleh membantu mencegah daripada menerima maklumat yang salah 6.4.2 memahami peranan orang dewasa dalam menyediakan keselamatan 6.4.3 memahami kepentingan dokumen bertulis dan jenis-jenis perlindungan yang terdapat untuk murid 6.4.4 menjelaskan pelbagai organisasi yang memberi perlindungan serta peranan yang dimainkan 6.4.5 mengenal pasti jenis dokumen yang boleh berfungsi sebagai perlindungan undang-undang. 6.4.6 menjelaskan potensi bahaya akibat penggunaan dokumen yang tidak sesuai atau kehilangan dokumen

## 6.0 PENYEPADUAN PENDIDIKAN KEWANGAN DALAM MATA PELAJARAN

Matlamat Pendidikan kewangan adalah untuk melahirkan murid celik kewangan yang berupaya menguruskan kewangan secara cekap dan bijaksana. Ini boleh dicapai melalui pelaksanaan p&p menggunakan standard pembelajaran dan standard kandungan mata pelajaran dengan menyepadukan elemen celik kewangan. Dalam proses penyepaduan mata pelajaran dengan elemen celik kewangan murid bukan sahaja menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai mata pelajaran tetapi juga berupaya menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai. Penyepaduan mata pelajaran dengan elemen celik kewangan ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan langsung dan sisipan.

## 6.1 Pendekatan langsung

Pendekatan langsung dilaksanakan dalam mata pelajaran yang mana elemen celik kewangan dinyatakan secara eksplisit dalam standard kandungan dan standard pembelajaran. Elemen ini diajar secara langsung dalam p&p mata pelajaran berdasarkan tajuk atau bidang. Secara khusus, mata pelajaran yang menggunakan pendekatan ini adalah Matematik (peringkat sekolah rendah dan menengah). Matematik sekolah rendah khususnya meliputi tajuk Wang (Tahun 1 hingga Tahun 6) dan Peratus (Tahun 4 hingga Tahun 6). Manakala di peringkat sekolah menengah, elemen celik kewangan dijemakan secara langsung bagi tajuk Matematik Pengguna: Simpanan dan pelaburan, kredit dan hutang (Tingkatan 3). Guru perlu merancang p&p mengikut kesesuaian standard tersebut. Contoh standard mata pelajaran yang menyatakan secara eksplisit elemen pendidikan kewangan adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Matematik Sekolah Rendah**

Mata Pelajaran:	Matematik
Tajuk:	Wang
Standard Kandungan:	4.1 Mengetahui nilai mata wang Malaysia.
Standard Pembelajaran:	4.1.1 Mengenal pasti mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas

\*Sila rujuk muka surat 19 untuk cadangan aktiviti bagi tajuk ini.

**Jadual 3: Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Matematik Sekolah Menengah**

Mata Pelajaran:	Matematik
Tajuk:	Matematik Pengguna: Simpanan dan Pelaburan, Kredit dan Hutang
Standard Kandungan:	3.2 Pengurusan Kredit dan Hutang.
Standard Pembelajaran:	3.2.2 Mengkaji dan menghuraikan kesan pembayaran minimum bagi penggunaan kad kredit.

\*Sila rujuk muka surat 28 untuk cadangan aktiviti bagi tajuk ini.

## 6.2 Pendekatan Sisipan

Pendekatan sisipan dilaksanakan dalam mata pelajaran yang mana elemen celik kewangan tidak dinyatakan secara eksplisit dalam standard kandungan dan standard pembelajaran. Elemen celik kewangan diajar secara sisipan dalam p&p mata pelajaran sesuai dengan tema, bidang atau tajuk mata pelajaran. Mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Pendidikan Moral, Pendidikan Agama Islam adalah mata pelajaran yang boleh melaksanakan elemen celik kewangan yang berkaitan melalui pendekatan sisipan.

**Jadual 4: Contoh Penulisan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Pendekatan Langsung Bahasa Melayu Sekolah Rendah**

Mata Pelajaran	Bahasa Melayu
Tema	Kemasyarakatan
Tajuk	Mari Mengenal Pekerjaan
Standard Kandungan	3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai Genre dengan betul.
Standard Pembelajaran	3.7.2 Menghasilkan bahan penulisan kreatif berbentuk imaginatif dan deskriptif menggunakan ayat gramatis dengan betul.
Pengisian Kurikulum	Ilmu: Ekonomi, Celik Kewangan Celik Kewangan 1: Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya 1.5 Menjelaskan bagaimana pendapatan memberi kesan kepada gaya hidup, pilihan keputusan berbelanja. - Menjelaskan bagaimana pendapatan mempengaruhi keputusan perbelanjaan.

\*Sila rujuk muka surat 33 untuk cadangan aktiviti bagi tajuk ini.

## 7.0 PENUTUP

Pendidikan Kewangan merupakan elemen yang penting dan perlu diintegrasikan dalam kurikulum persekolahan sama ada secara langsung mahupun secara sisipan. Buku panduan ini membolehkan guru mengintegrasikan pendidikan kewangan dalam mata pelajaran di sekolah rendah dan menengah. Pengintegrasian ini diharap dapat memperkukuhkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kalangan murid untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian serta persekitaran komuniti, negara dan global.

## **CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN LANGSUNG**





## **Matematik** (Tahun 1)

Tajuk:	Wang
Standard Kandungan:	Mengetahui nilai mata wang Malaysia.
Standard Pembelajaran:	Mengenal pasti mata wang Malaysia dalam bentuk syiling dan wang kertas.
Masa:	1 jam.

---

### Penerangan ringkas:

#### Wang

- Alat pertukaran dalam transaksi.
- Sesuatu yang diterima sebagai alat pertukaran dan mempunyai jaminan nilai.
- Wang yang digunakan dalam bentuk wang kertas dan duit syiling.

(Sumber: Bank Negara Malaysia)

Catatan guru: Guru membimbing murid membuat simulasi proses transaksi.

#### Aktiviti 1:

- a) Edarkan Lembaran Aktiviti 1a dan 1b kepada setiap murid.
- b) Minta murid melengkapkan peta bulatan yang telah disediakan.
- c) Bincang hasil kerja murid.

#### Aktiviti 2:

- a) Paparkan video berkaitan mata wang Malaysia. [www.bnm.gov.my/microsites/](http://www.bnm.gov.my/microsites/)
- b) Minta murid-murid menyatakan hasil pemerhatian berdasarkan tayangan video tersebut.

#### Aktiviti 3:

- a) Paparkan PowerPoint berkaitan ciri-ciri mata wang Malaysia.
- b) Bersoal jawab dengan murid berkaitan ciri-ciri yang terdapat pada mata wang Malaysia.
- c) Edarkan Lembaran Aktiviti 2 kepada setiap murid.
- d) Bincangkan hasil kerja murid.

#### Aktiviti 4:

- a) Edarkan Lembaran Aktiviti 3.
- b) Murid membentangkan hasil kerja dan minta kumpulan lain memberi komen membina hasil kerja yang dibentangkan.

#### Aktiviti 5: (Kerja Projek)


- a) Edarkan Lembaran Aktiviti 4, 5 dan 6.
- b) Minta murid melengkapkan jadual yang diedarkan.
- c) Markah diberi berdasarkan ketepatan jawapan dan kekemasan hasil kerja.
- d) Markah penuh 20 markah dan kerja dilakukan semasa waktu p&p.

**Lembaran Aktiviti 1a**

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_

**Tuliskan apa yang terdapat pada wang kertas Malaysia.**




**Lembaran Aktiviti 1b**

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_

**Tuliskan apa yang terdapat pada duit syiling Malaysia.**



**Lembaran Aktiviti 2**

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_

**Lengkapkan perkataan yang berkaitan dengan ciri duit syiling dan wang kertas dengan betul.**

1.



D		S	T		R
---	--	---	---	--	---

S			
---	--	--	--

2.



B		N	G	
---	--	---	---	--

	E		U	R
--	---	--	---	---

3.



	U		U	
--	---	--	---	--

K			A	N	G
---	--	--	---	---	---

4.



	I		U
--	---	--	---

5.



H			A	
---	--	--	---	--

6.



	E		A	
--	---	--	---	--

Lembaran Aktiviti 3

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Warnakan perkataan yang berkaitan dengan mata wang Malaysia pada jadual di bawah.

B	E	T	K	L	P	U	T	I	H
E	N	G	G	A	N	G	R	Y	D
J	F	Q	X	T	Y	E	W	A	U
H	I	J	A	U	M	C	S	H	O
K	U	N	I	N	G	V	U	D	B
A	N	X	G	E	B	U	L	A	T
F	E	W	B	M	L	K	O	U	R
E	N	J	M	E	R	A	H	G	F
V	K	E	D	T	Q	S	P	C	Z
U	R	A	F	F	L	E	S	I	A

1. Duit syiling 50 sen berwarna \_\_\_\_\_
2. Gambar burung \_\_\_\_\_ badak terdapat pada RM5.
3. Duit syiling berbentuk \_\_\_\_\_.
4. 5 sen dan 10 sen berwarna \_\_\_\_\_.
5. RM5 berwarna \_\_\_\_\_.
6. Bunga \_\_\_\_\_ terdapat wang kertas RM10.
7. Gambar \_\_\_\_\_ bulan terdapat pada RM1.
8. Warna wang kertas RM10 ialah \_\_\_\_\_.

## Lembaran Aktiviti 4

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_


<b>Wang</b>	<b>Ciri-ciri</b>
5 sen	
10 sen	
20 sen	
50 sen	
RM1	
RM5	
RM10	

Lembaran Aktiviti 5

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Gunakan kaedah gores bagi duit syiling dan warnakan gambar wang kertas yang diberi.





**Lembaran Aktiviti 6**

**Nama:** \_\_\_\_\_

**Kelas:** \_\_\_\_\_

**Padankan**

Putih  
Destar Siga  
Lima sen



Biru  
Wau bulan  
Satu ringgit



Merah  
Bunga Rafflesia  
Sepuluh ringgit



Putih  
Motif orang asli  
Sepuluh sen



Kuning  
Sulur kacang  
Lima puluh sen



Hijau  
Enggang Badak  
Lima ringgit



Kuning  
Bunga Melur  
Dua puluh sen



**Matematik** (Tingkatan 3)

Tajuk:	Matematik Pengguna: Simpanan dan Pelaburan, Kredit dan Hutang
Standard Kandungan:	3.2 Pengurusan Kredit dan Hutang
Standard Pembelajaran:	3.2.3 Mengkaji dan menghuraikan kesan pembayaran minimum bagi penggunaan kad kredit.

---

**Aktiviti:**

*Jalankan aktiviti penerokaan secara berkolaboratif (2 orang murid setiap kumpulan) dalam makmal komputer supaya dapat mengakses Internet.*

**Arahan kepada murid:**

1. Layari laman web <https://www.imoney.my/ms/kad-kredit/> dan perhatikan kepelbagaian tawaran kad kredit oleh bank-bank di Malaysia.
2. Bandingkan kad kredit yang ditawarkan dan setiap seorang pilih kad kredit yang yang dirasakan terbaik untuk diri anda. Pastikan anda dan rakan anda memilih kad kredit yang berbeza. Jelaskan sebab anda memilih kad kredit tersebut.
3. Bincangkan dan jawab soalan berikut:

Pihak bank tidak meminta anda membayar keseluruhan jumlah wang yang anda belanja dengan kad kredit anda setiap bulan. Malah anda dibenarkan membayar jumlah minimum, biasanya sebanyak RM50.00 sahaja setiap bulan, walaupun anda telah berbelanja beratus-ratus ringgit. Pada pandangan anda, mengapakah bank membenarkan anda berbuat demikian?
4. Rujuk kad kredit yang telah anda pilih dan kadar faedah (p.a.) yang ditetapkan. Tentukan kadar faedah sebulan yang dikenakan.
5. Katalah anda telah berbelanja dengan menggunakan kad kredit anda sejumlah RM500.00 bagi satu bulan tertentu. Anda bercadang untuk membayar jumlah minimum RM50.00 setiap bulan untuk menjelaskan hutang kad kredit anda itu.
  - a. Berapa bulankah yang anda perlukan untuk menjelaskan hutang anda kepada bank?
  - b. Berapakah jumlah keseluruhan yang perlu anda bayar?
  - c. Berapakah jumlah faedah yang perlu anda bayar?

6. Salin jadual di bawah untuk mendapatkan jawapan bagi soalan di atas. Tentukan nilai yang perlu diisi bagi melengkapkan dahulu kiraan baki yang perlu dibayar di akhir bulan ketiga.

Di akhir bulan ke-	Baki hutang (RM)	Faedah dikenakan (RM)	Baki sebenar hutang (RM)	Bayaran minimum (RM)	Baki hutang dibawa ke bulan seterusnya (RM)
1	500.00			50.00	
2					
3					

Faedah dikenakan = Kadar faedah sebulan  $\times$  Baki hutang

7. Anda boleh terus mengira secara manual atau anda boleh juga menggunakan perisian Microsoft Office Excel untuk mengisi baris-baris seterusnya jadual di atas sehingga hutang selesai dibayar sepenuhnya (baki hutang menjadi RM0.00)
8. Berdasarkan jadual yang telah anda lengkapkan, jawab soalan pada no. 5 di atas.
9. Tentukan jawapan soalan pada no. 5 di atas jika anda telah berbelanja sebanyak RM2000.00 bagi satu bulan tertentu.
10. Tentukan jawapan soalan pada no. 5 di atas jika pada bulan pertama anda berbelanja sebanyak RM300, RM500 pada bulan kedua, RM400 pada bulan ketiga, RM350 pada bulan keempat dan RM550 pada bulan kelima.
11. Bincangkan dan selesaikan masalah berikut:
- Ada pendapat yang menyatakan bahawa pembayaran minimum kepada bank setiap bulan untuk menjelaskan hutang kad kredit adalah satu 'perangkap'. Pada pandangan anda, apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan ini? Jelaskan.
  - Cadangkan tiga cara kepada pemilik kad kredit yang dapat mengelakkannya daripada termasuk dalam 'perangkap' tersebut.



## **CONTOH AKTIVITI PENDEKATAN SISIPAN**



**Bahasa Melayu (Tahun 5)**

<b>Tema</b>	Kemasyarakatan
<b>Tajuk</b>	Mari Mengenal Pekerjaan
<b>Masa</b>	60 minit
<b>Standard Kandungan</b>	3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai Genre dengan betul
<b>Standard Pembelajaran</b>	3.7.2 Menghasilkan bahan penulisan kreatif berbentuk imaginatif dan deskriptif menggunakan ayat gramatis dengan betul.
<b>Objektif</b>	Pada akhir pengajaran murid dapat: i. menghasilkan karangan berbentuk cerita berdasarkan peribahasa kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya yang sepanjang 80 patah perkataan..
<b>Pengisian Kurikulum</b>	Ilmu: Ekonomi, Celik Kewangan Nilai: Berjimat Cermat, Rajin, Tekun  Celik Kewangan 1 - Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya 1.5 Menjelaskan bagaimana pendapatan memberi kesan kepada gaya hidup, pilihan dan keputusan berbelanja. - Menjelaskan bagaimana pendapatan mempengaruhi keputusan perbelanjaan.
<b>Sistem Bahasa</b>	Tatabahasa: • Morfologi - Kata • Sintaksis - Ayat tunggal, ayat majmuk  Tanda Baca: Huruf kecil dan huruf besar Kosa kata: Ruyung, sagu Peribahasa: Kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya, makan gaji
<b>Bahan Bantu Belajar</b>	Peta buih berganda, klip video, jadual, karangan untuk aktiviti pemulihan, senarai kandungan buku skrap, wifi.
<b>Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran</b>	Murid dapat menghasilkan karangan berbentuk cerita berdasarkan peribahasa kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya sepanjang 80 patah perkataan.
<b>Refleksi</b>	

### **Induksi Set:**

1. Tiga orang murid dibimbing untuk melakonkan aksi seperti seorang doktor, guru dan tukang masak.
2. Murid lain meneka nama pekerjaan yang dilakonkan.
3. Guru mengaitkan induksi set dengan pelajaran pada hari ini.

### **Aktiviti 1**

1. Guru memaparkan jadual 'Mari Mengenal Pekerjaan'.
2. Murid mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara makan gaji dengan bekerja sendiri.  
(Lampiran 1: Jadual 'Mari Mengenal Pekerjaan')
3. Murid membuat banding beza dengan melengkapkan peta buih berganda berdasarkan maklumat yang terdapat dalam jadual 'Mari Mengenal Pekerjaan'.  
(Lampiran 2: Peta Buih Berganda)

### **Aktiviti 2**

1. Murid menonton klip video paparan berita berkaitan inovasi yang dicipta oleh seorang pengusaha tauge sambil membuat catatan berkaitan proses menghasilkan tauge.  
(Klip video : Pengusaha tauge.mp4 <http://m.youtube.com/user/taugehmoden>)
2. Murid dan guru berbincang tentang inovasi yang terdapat dalam klip video dan mengaitkan inovasi itu dengan pelbagai bentuk inovasi yang lain.
3. Guru menerangkan karangan tidak berformat jenis peribahasa.
4. Murid membina kerangka untuk mengembangkan idea bagi menghasilkan karangan jenis peribahasa yang bertajuk 'Kalau Tak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya'.
5. Murid menghasilkan karangan jenis imaginatif sepanjang 80 patah perkataan.  
(Internet (rujukan): <http://missezhafirzan.blogspot.com/2012/03/petua-penulisan-karangan-bahasa-melayu.html>)

### **Penilaian**

1. Menghasilkan sebuah karangan tidak berformat jenis peribahasa yang bertajuk 'Kalau Tak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya'.  
(Lampiran 3)



### **Pemulihan**

1. Murid melengkapkan karangan 'Kalau Tak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya' dengan perkataan yang disediakan.

### **Pengayaan**

1. Secara berkumpulan murid melayari Internet untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang pelbagai jenis pekerjaan. (di dalam bilik darjah)
2. Murid menghasilkan buku skrap berkaitan satu pekerjaan yang dipilih secara berkumpulan. (di luar bilik darjah)  
(Lampiran 4)

### **Penutup**

Murid merumuskan pelajaran dengan bimbingan guru.

## Lampiran 1

**MARI MENGENAL PEKERJAAN**


Baca dan fahami jadual banding beza antara kerja makan gaji dengan kerja sendiri di bawah.

<b>Makan Gaji</b>	<b>Aspek</b>	<b>Kerja Sendiri</b>
Selalunya sekitar 8.00 pagi sehingga 5.00 petang	Masa	Bebas / Terserah kepada individu
Setiap hujung bulan atau minggu ke-4 setiap bulan, gaji akan diberikan. Kadang kala, terdapat kenaikan pangkat yang menuntut kenaikan gaji.	Pendapatan	Gaji mengikut usaha. Naik turun keuntungan bergantung kepada kerajinan dan perancangan perniagaan.
Tidak boleh cuti sesuka hati.	Cuti	Tidak perlu risau perihal cuti kerana diri sendiri yang menetapkan
Tempat kerja ditetapkan dan mungkin berhampiran atau jauh dari rumah	Tempat Kerja	Bebas menetapkan lokasi tempat kerja, sama ada di rumah atau di tempat lain

**Lampiran 2**

**PETA BUIH BERGANDA**

Membuat banding beza antara bekerja sendiri dengan bekerja makan gaji.



## Lampiran 3

**PEMULIHAN**

Lengkapkan karangan di bawah ini dengan menggunakan perkataan yang disediakan.

gerai

membesarkan

rezeki

ruyung

dijual

laris

Kalau Tak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya

Awal pagi lagi ibu sudah bangun untuk menyediakan nasi lemak dan pelbagai jenis kuih untuk \_\_\_\_\_. Ibu menjual nasi lemak dan kuih-muih di \_\_\_\_\_ yang terletak berhampiran rumahnya..

Semakin lama jualan ibu semakin \_\_\_\_\_. Kehidupan ibu, Amin, dan adiknya, Fathin bertambah selesa. Keuntungan daripada jualan, ibu gunakan untuk \_\_\_\_\_ lagi gerainya. Ibu juga sering menderma kepada anak-anak yatim.

Kesungguhan ibu mencari \_\_\_\_\_ untuk keluarga ini bertepatan dengan peribahasa kalau tidak dipecahkan \_\_\_\_\_, manakan dapat sagunya. Usaha yang bersungguh-sungguh pastinya akan membuahkan hasil yang baik.

## **SENARAI KANDUNGAN BUKU SKRAP**

Buku skrap yang baik perlulah mengandungi perkara-perkara seperti di bawah ini.

1. Kulit Hadapan
2. Senarai Kandungan
3. Penghargaan
4. Kerjaya yang dipilih
  - Latar Belakang Kerja
  - Keperluan Pendidikan
  - Potensi Kerjaya
  - Koleksi Foto Berkaitan Kerjaya
5. Refleksi Kumpulan (berkaitan pengalaman pembelajaran)
  - Sebelum melaksanakan tugas
  - Semasa melaksanakan tugas
  - Selepas melaksanakan tugas
6. Rujukan

## Bahasa Ingggris (Year 4)

Theme:	World of Stories
Topic:	' <i>The Twins</i> '
Learning Standards:	1.1.2, 1.3.1(c), 1.1.4
Objectives:	By the end of the lesson, pupils will be able to: (i) Talk about the similarities and differences between Rory and Callum as heard in an excerpt from the story ' <i>The Twins</i> '. (ii) Predict what happens in the next part of the story.
Time:	60 minutes
Teaching Aids:	Audio script of ' <i>The Twins</i> ', task sheet
Added Values:	Contextualism

### Steps:

#### **Pre-Listening**

Show pupils a picture of two boys (twins).



1. Pupils talk about the twins in the picture, and discuss their characteristics, similarities and differences (eg. Height, facial features).

#### **While-Listening**

##### **(Activity 1)**

1. Introduce the story '*The Twins*' and ask pupils what they think the story might be about and who are the main characters might be.

2. Play Excerpt 1 Of the story while pupils listen.

### Story excerpt 1

#### The Twins

Adapted from 'No Change' by Jonathan Meres



Callum and Rory were twins. They looked the same. They both had brown hair and blue eyes. They were both tall and thin. They both had sharp noses. If you didn't know them, it would be very difficult to see how they were different.

But their mum and dad could tell them apart. They knew that Callum had a small mole on his chin and that Rory had a big front tooth. Rory was also the talkative one. He was very playful and had a new hobby every week. He could never focus on more than one thing at a time. Callum was more shy and serious. He was called 'The Quiet One'. He was clever and hardworking. He loved reading books and was always studying on his computer.

Note for teacher:

- Use an audio recording of the script for higher proficiency pupils. To cater for lower proficiency pupils, the teacher can read the story, breaking up the next into smaller chunks.
- Use pictures or stick puppets of the two characters to tell the story (see attachment).

- Pupils are given the task sheet below and the teacher explains as they listen to the story again and complete the table.

**Sample Task Sheet**

Item	Rory	Callum
hair	brown	brown
height		
nose		
eyes		
personality	playful	quiet

*\*Alternatively, the story can be read/played twice. The first time, the pupils jot down the similarities and the second time, the differences.*

- Pupils compare their answers in pairs. Then, pupils talk about the similarities and differences between Rory and Callum with the rest of the class.

**While-Listening**

**(Activity 2)**

- Expert 2 of the story read or played while pupils listen.



One day, Callum and Rory’s grandma came to visit them. She gave each of them one ringgit as she always did. “Thanks, Gran,” said Callum. But Rory said nothing. Gran smiled. “Don’t spend it all right away, boys,” she said. There was a mischievous grin on Rory’s face. The twins’ mum knew that Rory was up to something. He was easily excited, especially when anyone gave him some money.



As soon as Gran left, Rory headed for the door and Callum followed behind him. Callum asked him, "Where are we going, Rory?" Rory didn't reply. Mum knew exactly where they were going. "Rory must be going to the shop to spend the money he had just been given," she told Dad. Just a few minutes later, Rory got off his bicycle and said, "Cal, do you still have your money?" Callum answered, "Of course! Why?"

### Story excerpt 2

2. Ask these questions and get pupils to respond to them.
  - (i) Who came to visit Rory and Collum?
  - (ii) How much did she give to each of them?
  - (iii) Where did Rory's mum think he was going?

### Post-Listening (Speaking)

1. Pupils predict what Rory is planning to do with the money given to him by his grandmother (cue questions: Do you think that Rory will spend all his money? Where do you think he is going? What do you think he wants to buy?)
2. Explain to the pupils that they will find out what will happens in the next lesson.

### **Note:**

***Cut out, colour and paste a stick behind the picture to make a stick puppet.***



# **PEMETAAN PENDIDIKAN KEWANGAN**



## Pemetaan Pendidikan Kewangan Sekolah Rendah

Bil	Standard Kandungan	Matematik	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina	Bahasa Tamil	Pendidikan Islam	Pendidikan Moral
1.1	Menerangkan peranan wang	✓						
1.2.	Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif	✓						
1.3	Mengenal pasti bagaimana pilihan kerjaya, pendidikan, kemahiran dan keadaan ekonomi mempengaruhi pendapatan		✓	✓	✓	✓	✓	✓
1.4	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pendapatan boleh guna	✓						
1.5	Menerangkan cara menggunakan instrumen kewangan yang berlainan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
1.6	Menjelaskan bagaimana pendapatan memberi kesan kepada gaya hidup, pilihan dan keputusan berbelanja	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.1	Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.2	Menilai maklumat kewangan yang didapati daripada pelbagai sumber	✓					✓	✓
2.3	Menjelaskan secara ringkas mengenai undang-undang utama perlindungan pengguna							
2.4	Huraikan bahawa kontrak adalah ikatan perjanjian							
3.1	Membuat keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai alternatif dan kesan yang akan dihadapi	✓					✓	✓
3.2	Kebolehan untuk menetapkan matlamat berdasarkan kehendak dan keperluan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.3	Menyediakan pelan perbelanjaan dan simpanan	✓						
3.4	Menyediakan satu sistem untuk menyimpan rekod kewangan	✓						
3.5	Menerangkan cara menggunakan instrumen kewangan yang berlainan	✓						
3.6	Menggunakan kemahiran untuk membuat keputusan berbelanja yang berhemat	✓					✓	✓

Bil	Standard Kandungan	Matematik	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina	Bahasa Tamil	Pendidikan Islam	Pendidikan Moral
4.1	Membincangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu ke arah kesejahteraan kewangan	✓					✓	✓
4.2	Menerangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu meningkatkan kekayaan	✓					✓	✓
4.3	Membuat penilaian dan perbandingan pelbagai alternatif pelaburan							
4.4	Memahami kaitan antara risiko dan pulangan pelaburan	✓						
4.5	Menerangkan bagaimana membuat keputusan untuk membeli dan menjual pelaburan	✓						
4.6	Menyelidik bagaimana agensi yang mengawal selia pasaran kewangan melindungi pelabur							
5.1	Memahami konsep kredit dan mengenal pasti pelbagai jenis kredit termasuk faedah dan kos masing-masing	✓						
5.2	Mengenal pasti pengurusan kredit secara bertanggungjawab	✓					✓	✓
5.3	Menjelaskan hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dan bagaimana untuk mengekalkan kepercayaan kredit	✓					✓	✓
5.4	Menerangkan cara mengelak daripada perangkap hutang dan menangani masalah kredit	✓						
6.1	Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti	✓					✓	✓
6.2	Mengenal pasti jenis risiko yang biasa dihadapi dan cara asas pengurusan risiko	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.3	Menerangkan tujuan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.4	Menjelaskan jenis-jenis perlindungan bukan insurans	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

## Pemetaan Pendidikan Kewangan Sekolah Menengah

Bil	Standard Kandungan	Matematik	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina	Bahasa Tamil	Pendidikan Islam	Pendidikan Moral
1.1	Menerangkan peranan wang							
1.2	Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif							
1.3	Mengenal pasti bagaimana pilihan kerjaya, pendidikan, kemahiran dan keadaan ekonomi mempengaruhi pendapatan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
1.4	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pendapatan boleh guna	✓					✓	✓
1.5	Menerangkan cara menggunakan instrumen kewangan yang berlainan	✓						
1.6	Menjelaskan bagaimana pendapatan memberi kesan kepada gaya hidup, pilihan dan keputusan berbelanja	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.1	Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.2	Menilai maklumat kewangan yang didapati daripada pelbagai sumber	✓					✓	✓
2.3	Menjelaskan secara ringkas mengenai undang-undang utama perlindungan pengguna	✓					✓	✓
2.4	Huraikan bahawa kontrak adalah ikatan perjanjian	✓						
3.1	Membuat keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai alternatif dan kesan yang akan dihadapi	✓					✓	✓
3.2	Kebolehan untuk menetapkan matlamat berdasarkan kehendak dan keperluan	✓					✓	✓
3.3	Menyediakan pelan perbelanjaan dan simpanan	✓						
3.4	Menyediakan satu sistem untuk menyimpan rekod kewangan	✓						

Bil	Standard Kandungan	Matematik	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Cina	Bahasa Tamil	Pendidikan Islam	Pendidikan Moral
3.5	Menerangkan cara menggunakan instrumen kewangan yang berlainan	✓						
3.6	Menggunakan kemahiran untuk membuat keputusan berbelanja yang berhemat	✓					✓	✓
4.1	Membincangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu ke arah kesejahteraan kewangan	✓					✓	✓
4.2	Menerangkan bagaimana simpanan dan pelaburan dapat membantu meningkatkan kekayaan	✓					✓	✓
4.3	Membuat penilaian dan perbandingan pelbagai alternatif pelaburan	✓						
4.4	Memahami kaitan antara risiko dan pulangan pelaburan	✓						
4.5	Menerangkan bagaimana membuat keputusan untuk membeli dan menjual pelaburan	✓						
4.6	Menyelidik bagaimana agensi yang mengawal selia pasaran kewangan melindungi pelabur	✓						
5.1	Memahami konsep kredit dan mengenal pasti pelbagai jenis kredit termasuk faedah dan kos masing-masing	✓						
5.2	Mengenal pasti pengurusan kredit secara bertanggungjawab	✓					✓	✓
5.3	Menjelaskan hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dan bagaimana untuk mengekalkan kepercayaan kredit	✓					✓	✓
5.4	Menerangkan cara mengelak daripada perangkap hutang dan menangani masalah kredit	✓						
6.1	Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti	✓					✓	✓
6.2	Mengenal pasti jenis risiko yang biasa dihadapi dan cara asas pengurusan risiko	✓					✓	✓
6.3	Menerangkan tujuan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful	✓					✓	✓
6.4	Menjelaskan jenis-jenis perlindungan bukan insurans	✓					✓	✓



## GLOSARI

### **Akaun simpanan**

Merupakan akaun yang membolehkan anda menyimpan atau memasukkan wang anda dan menerima faedah tanpa tempoh matang yang telah ditentukan. Faedah yang diterima ke atas baki lazimnya dikreditkan ke dalam akaun pada setiap bulan.

### **Amanah saham**

Suatu jumlah wang yang diurus oleh sebuah syarikat pelaburan. Syarikat ini menawarkan pelbagai pilihan kepada pelabur, bergantung kepada jenis dana itu dan matlamat pelaburannya.

### **Ansuran**

Bayaran bulanan yang mesti dibayar kepada institusi perbankan sebagaimana yang dinyatakan di dalam perjanjian peminjaman.

### **Aset**

Sesuatu yang mempunyai nilai ekonomi, termasuk wang tunai, amanah saham atau harta tanah.

### **Aset cair**

Aset yang mudah ditukar kepada wang tunai tanpa hilang nilai. Contohnya akaun simpanan.

### **Baki**

Baki kad kredit anda merupakan jumlah wang yang anda hutang untuk pembelian atau transaksi lain yang dibuat dengan kad kredit, ia juga termasuk caj faedah, yuran lewat, atau yuran lain (seperti yuran tahunan) yang dikaitkan dengan akaun anda. Baki kad kredit anda merupakan hutang kad kredit anda.

### **Bajet**

Suatu pelan mengurus aliran tunai dan digunakan untuk membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan anda pada masa hadapan.

### **Cagaran**

Harta persendirian yang digunakan untuk menjamin pembayaran bagi sesuatu pinjaman. Peminjam menghadapi risiko kehilangan harta tersebut sekiranya pinjaman tidak dibayar.

## **Caj kewangan**

Caj yang dikenakan pada baki tertunggak selepas tarikh pembayaran. Bagi pendahuluan wang tunai, caj kewangan akan dikira daripada tarikh transaksi. Bagi program pemindahan baki, kadar faedah yang dikenakan atas baki yang dipindahkan ke kad baru mungkin berbeza daripada yang dikenakan atas pembelian dan pendahuluan tunai bagi tempoh yang dinyatakan.

## **CCRIS**

Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, iaitu satu sistem pangkalan data berkomputer yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Biro Kredit untuk mengutip, memproses, menyimpan dan menghasilkan maklumat kredit.

## **Cek**

Arahan bertulis daripada satu pihak (pembayar/pengeluar cek) kepada pihak lain (bank/institusi pembayar) yang mengkehendaki bank pembayar membayar sejumlah tertentu apabila dituntut, kepada pembayar sendiri atau kepada pihak ketiga seperti yang ditentukan oleh pembayar/pengeluar cek.

## **Celik kewangan**

Keupayaan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus sumber kewangan dengan berkesan untuk menjamin keselesaan kewangan sepanjang hayat.

## **Cukai**

Fi yang dikenakan oleh kerajaan ke atas pendapatan individu dan perniagaan.

## **Deposit**

Pembayaran tunai permulaan yang diperlukan sebelum memasuki perjanjian sewa beli.

## **Deposit tetap**

Wang simpanan di institusi perbankan bagi satu jangka masa tetap, contohnya 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan untuk memperoleh faedah.

## **Faedah**

Kos meminjam wang, sering kali dikira sebagai peratusan daripada jumlah yang dipinjam. Apabila anda membuat pembelian dengan kad kredit, faedah mesti dibayar atas harga pembelian jika anda tidak menjelaskan jumlah tersebut sepenuhnya semasa tempoh tangguh. Semakin lama anda mengambil masa untuk membayar hutang kad kredit, semakin banyak faedah yang anda perlu bayar.

## **Faedah kompaun**

Merupakan faedah yang anda peroleh atas pelaburan asal anda dan atas faedah yang telah anda peroleh daripada pelaburan anda.

## **Faedah mudah**

Faedah ke atas pinjaman atau pelaburan yang mana ia dikira hanya pada jumlah pokok (principal).

## **Had kredit**

Jumlah kredit maksimum yang diberikan oleh pengeluar kad kredit. Had tersebut ditentukan berdasarkan penilaian terhadap maklumat yang terkandung dalam borang permohonan.

## **Harta tanah**

Merujuk kepada harta di atas tanah seperti rumah, pangsapuri, kondominium dan tanah lapang (lot banglo).

## **Hutang**

Pinjaman daripada institusi perbankan untuk pembelian aset seperti rumah atau kereta atau apabila anda menggunakan kad kredit. Wang yang anda pinjam melalui kad kredit perlu dibayar balik.

## **Jumlah pembiayaan**

Jumlah kemudahan yang diberikan kepada penyewa dikira seperti berikut:  
Harga Tunai Deposit + Kos Pengangkutan (jika ada) + Fi Pendaftaran Kenderaan (jika ada) + Premium Insurans (untuk satu tahun)

## **Kad debit**

Merupakan sejenis kad pembayaran di mana baki di dalam akaun tabungan atau semasa anda akan dikurangkan dengan serta-merta mengikut jumlah urus niaga yang dibuat.

### **Kad kredit**

Merupakan satu instrumen pembayaran yang membolehkan anda memperoleh barangan dan perkhidmatan tanpa melibatkan wang tunai.

### **Kad simpanan nilai**

Merupakan sejenis kad prabayar yang di dalamnya terkandung nilai kewangan yang telah diterapkan terlebih dahulu oleh pengeluar kad. Apabila pembelian dibuat, nilai tersebut akan ditolak secara automatik daripada amaun yang tersimpan di dalam kad tersebut.

### **Kadar faedah**

Amaun yang dikenakan ke atas peminjam oleh pemberi pinjaman dalam bentuk peratusan daripada jumlah pinjaman.

### **Kadar Pinjaman Asas**

Kadar faedah minimum yang dikira oleh sesebuah institusi kewangan berdasarkan satu formula yang mengambil kira kos dana dan lain lain kos pentadbiran.

### **Kadar pulangan**

Kadar pulangan daripada sesuatu pelaburan diperoleh dengan mencampurkan kadar hasil pendapatan dengan kadar hasil untung modal.

### **Kecairan**

Ini merujuk kepada betapa mudahnya anda boleh menukarkan aset anda kepada wang tunai pada kadar pasaran yang berpatutan. Kecairan ialah satu faktor penting khususnya bagi pelaburan jangka pendek di samping bagaimana mudahnya untuk menukar kepada wang tunai bagi membiayai perbelanjaan.

### **Kehendak**

Sesuatu yang anda inginkan tetapi tidak semestinya perlu. Contohnya, banglo mewah and pakaian berjenama.

### **Keperluan**

Sesuatu yang anda perlu ada dan tidak boleh hidup tanpanya. Contohnya , makanan dan tempat tinggal.

### **Kewangan peribadi**

Prinsip dan kaedah yang digunakan oleh individu, untuk memperoleh dan mengurus pendapatan dan asset, mengambil kira pelbagai risiko kewangan dan peristiwa kehidupan masa depan.

### **Koleksi berharga**

Setem, seni halus dan barangan antik yang dibeli oleh pelabur dengan harapan barangan tersebut akan meningkat nilai pada masa hadapan.

### **Kos melepas**

Nilai alternatif terbaik yang mungkin dilepaskan oleh seseorang apabila sesuatu pilihan telah dibuat.

### **Kredit**

Satu perjanjian untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan atau wang sebagai pertukaran untuk membayarnya kemudian bersama faedah pada tarikh tertentu atau mengikut jadual tertentu.

### **Laporan kredit**

Satu laporan yang dihasilkan oleh Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) yang mengandungi maklumat kredit.

### **Liabiliti**

Tanggungjawab untuk membayar kerana keperluan undang-undang.

### **Maklumat kredit**

Data atau maklumat mengenai seseorang peminjam, termasuk data atau maklumat mengenai mana-mana kemudahan kredit yang diberi oleh mana-mana institusi kewangan kepada pelanggan.

### **Matlamat kewangan**

Menggambarkan perkara yang anda ingin kecapai dengan wang anda dalam jangka masa tertentu. Penetapan matlamat amat penting bagi membantu merancang perbelanjaan dan berbelanja secara berhemat.

### **Matlamat jangka pendek**

Perkara yang hendak dicapai dalam tempoh terdekat, iaitu kurang daripada enam bulan, seperti membeli pakaian atau kasut baharu.

### **Matlamat jangka sederhana**

Perkara yang hendak dicapai dalam tempoh enam bulan hingga dua tahun, seperti membeli sebuah komputer atau basikal.

### **Matlamat jangka panjang**

Perkara yang hendak dicapai dalam tempoh yang melebihi dua tahun, seperti membeli sebuah rumah atau menampung kos pengajian di universiti.

### **Menangguhkan kehendak**

Menangguh keinginan anda ke suatu masa yang lain.

### **Pasaran**

Tempat berlakunya/terjadi penjualan dan pembelian.

### **Pelaburan**

Membeli sekuriti seperti saham, bon dan dana bersama bermatlamat untuk meningkatkan kekayaan dari semasa ke semasa.

### **Pembelian**

Amaun yang dibelanja atas pembelian barangan atau perkhidmatan.

### **Pemegang saham**

Seorang pelabur yang memiliki saham dalam sesebuah syarikat.

### **Pengkompaunan**

Memperoleh faedah atas pelaburan asal dan atas faedah yang telah anda peroleh daripada pelaburan anda.

### **Pengurusan risiko**

Proses pengiraan risiko dan merangka kaedah untuk mengurangkan atau menguruskan kerugian. Contohnya membeli insurans atau mempelbagaikan pelaburan.

### **Penilaian kredit**

Ukuran pemiutang terhadap keupayaan individu membayar balik pinjaman.

### **Penipuan**

Perbuatan yang disengajakan dan yang menyalahi undang-undang bertujuan memperdayakan orang ramai untuk keuntungan peribadi.

### **Penyata aliran tunai**

Merupakan satu penyata yang menunjukkan aliran pendapatan dan perbelanjaan bagi jangka masa tertentu.

### **Perancangan kewangan**

Ini adalah untuk mengatur strategi hal kewangan anda supaya matlamat anda tercapai. Matlamat ini adalah termasuk pembelian rumah, pembiayaan pelajaran anak anda atau perancangan persaraan anda melalui pengurusan kewangan yang teratur.

### **Perangkap hutang**

Situasi di mana anda bertungkus-lumus membiayai bayaran balik hutang.

### **Pulangan**

Apa yang diperolehi oleh seseorang pelabur daripada pelaburannya.

### **Rancangan perbelanjaan**

Satu rancangan tentang pendapatan yang diterima oleh seseorang serta bagaimana ia dibelanjakan dan untuk apa perbelanjaan dibuat demi memastikan masih ada baki untuk menyimpan, melabur dan digunakan semasa kecemasan.

### **Rebat**

Pembayaran balik sebahagian caj terma (faedah) yang dikira berdasarkan formula yang ditetapkan di bawah Akta Sewa Beli 1967, sekiranya penyewa membuat penyelesaian awal.

### **Riba'**

Lebihan yang dibayar atau diterima ke atas amaun prinsipal di dalam kontrak pinjaman.

### **Risiko**

Kebarangkalian atau kemungkinan bahawa pulangan atas pelaburan akan berbeza daripada jangkaan awal.

## **Sekuriti**

Instrumen pelaburan yang diurus niagakan di bursa saham. Ia boleh dalam bentuk saham, waran atau sekuriti pendapatan tetap.

## **Simpanan**

Proses mengasingkan pendapatan untuk perbelanjaan masa depan. Dengan menyimpan, anda dapat menyediakan wang untuk kegunaan semasa kecemasan dan untuk pelaburan.

### **Simpanan kecemasan**

Sejumlah wang yang diketepikan untuk digunakan semasa kecemasan, perbelanjaan luar jangka atau bermusim, seperti yuran sekolah dan insurans. Umumnya, jumlah yang perlu diketepikan adalah bersamaan dengan tiga bulan gaji dan hendaklah disimpan dalam bentuk pelaburan berisiko rendah.

## **Syer**

Instrumen kewangan yang merupakan satu unit pemilikan dalam sesuatu entiti seperti sebuah syarikat.

## **Zakat**

Pembayaran yang diwajibkan ke atas sebahagian daripada kekayaan bagi setiap jenis harta yang layak dikenakan zakat, mengikut peratusan yang telah ditetapkan setiap tahun untuk manfaat orang-orang Islam yang layak menerimanya. Ia adalah merupakan kaedah yang utama bagi mewujudkan keseimbangan sosial dan membawa kepada kemakmuran umat Islam.



## RUJUKAN

Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran. 2008. *Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran, Kelab Kewangan Pelajar Sekolah untuk Pelajar Sekolah Menengah*, Bank Negara Malaysia.

Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran. 2008. *Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran, Kelab Kewangan Pelajar Sekolah untuk Pelajar Sekolah Rendah*, Bank Negara Malaysia.

Kamus Dewan, 2013. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka

BNM, 2008. *Senarai Elemen-eleman dan Standard Celik Kewangan*. Bank Negara Malaysia

## Bahan Terbitan Bank Negara Malaysia


(Bahan/buku berkenaan diedarkan oleh Bank Negara Malaysia ke sekolah)



Buku Wang Saku



Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran  
(Sekolah Rendah)



Warisan Mata Wang Kita



Buku Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran  
(Sekolah Menengah)

## AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN

### **PENASIHAT**

Dr. Sariah binti Abd Jalil  
Pengarah BPK

### **PENGERUSI 1**

Datin Dr. Ng Soo Boon  
Timbalan Pengarah (STEM)

### **PENGERUSI 2**

Shamsuri bin Sujak  
Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)

### **PENYELARAS**

Pn. Zaidah binti Md. Yusof

### **SETIAUSAHA**

Mazlan bin Awi

### **PENOLONG SETIAUSAHA**

Kumaresan a/l M. Subramaniam

### **AHLI PANEL**

- |    |                              |                          |
|----|------------------------------|--------------------------|
| 1. | Rosita binti Mat Zain        | Sektor Sains & Matematik |
| 2. | Mohd Ali Henipah bin Ali     | Sektor Sains & Matematik |
| 3. | Hoi Sim Min                  | Sektor Sains & Matematik |
| 4. | Nor Fauziah binti Mat Jaafar | Sektor Sains & Matematik |
| 5. | Susilawati binti Ehsan       | Sektor Sains & Matematik |
| 6. | Wong Sui Yong                | Sektor Sains & Matematik |

7.	Noraida binti Md Idrus	Sektor Sains & Matematik
8.	Alyenda binti Ab Aziz	Sektor Sains & Matematik
9.	Mazlan bin Ismail	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
10.	Chin Fong Phin	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
11.	Ida Hairani binti Bakar	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
12.	Masreen Wirda binti Mohammad Ali	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
13.	Ramanathan a/l Nagarathinam	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
14.	Vanaja a/p Ratnam	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
15.	Lim Yock Chong	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
16.	Quek Weng Kim	Sektor Bahasa & Kesusasteraan
17.	Hj. Mohd Kamal bin Hj. Abdullah	Sektor Sains Sosial
18.	Magesvaran a/l Supermaniam	Sektor Sains Sosial
19.	Nor Azza binti Ibrahim	Sektor Pendidikan Islam
20.	Muhammad Fauzi bin Hj. Abdul	Sektor Pendidikan Islam

#### **TURUT MENYUMBANG**

1.	Rugayyah binti Harun	Bank Negara Malaysia
2.	Sunita binti Sulaiman	Bank Negara Malaysia

#### **URUS SETIA**

Unit Matematik Rendah dan Unit Matematik Menengah  
Sektor Sains dan Matematik





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>

ISBN 978-967-420-090-9



9 789674 200909